PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

PENGENALAN

Seiring dengan Dasar Pembinaan Negara, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) berperanan memastikan kontraktor yang berdaftar adalah kompeten untuk melaksanakan projek-projek pembangunan / fizikal di bawah perolehan Kerajaan. Dalam hal ini, PKK berusaha untuk meningkatkan efisensi pendaftaran kontraktor sebagai pemudahcara dan memastikan kontraktor berupaya memenuhi syarat-syarat pendaftaran sedia ada. Punca kuasa PKK adalah berdasarkan Surat Pekeliling Perbendahaan bil. 6/1984, bil. 14/2002 dan bil. 6/2010.

Kaunter Pusat Khidmat Kontraktor



Kaunter Pusat Khidmat Kontraktor

PENCAPAIAN

1. **PENDAFTARAN KONTRAKTOR**

Sehingga 2010, sejumlah **44,428 kontraktor** yang berdaftar di bawah PKK dengan pecahan seperti berikut:-

a) **Mengikut Kaum:**
   a. **Bumiputera**
   b. **Bukan Bumiputera**





Bilangan Kontraktor Kerja Awam
Bagi Tahun 2010



Bilangan Kontraktor Kerja Elektrik Bagi Tahun 2010

Bagi tahun 2010 sahaja, PKK telah menerima **21,493 permohonan** yang meliputi **permohonan pendaftaran baru, pertukaran jenis syarikat, kenaikan kelas, tambah kepala dan sub kepala, pembaharuan, penarafan Bumiputera, kebenaran khas, perubahan maklumat, sijil pendua dan rayuan pembaharuan.** Bagi **pendaftaran baru,** PKK telah **menerima 779 permohonan** dan kelulusan ditangguhkan berikutan keputusan Kementerian untuk mengkaji semula dan memperketatkan syarat pendaftaran sedia ada.

Pecahan permohonan yang diterima adalah seperti berikut:

a) Pendaftaran baru : 510
b) Pertukaran jenis syarikat : 69
c) Kenaikan Kelas : 183
d) Tambah kepala / sub kepala : 4,526
e) Pembaharuan : 13,611
f) Perubahan Maklumat : 941
g) Kebenaran Khas : 1,617
h) Sijil Pendua : 89
i) Rayuan Pembaharuan ; 33 (D-E) 90 (A-C)

2. SIASATAN DAN PENARAFAN BUMIPUTERA

Bagi memastikan kontraktor bertaraf Bumiputera melaksanakan kerja dengan penuh intergriti dan tidak melanggar syarat penarafan Bumiputera, PKK turut mengadakan siasatan ke atas premis dan tapak projek dari masa ke semasa. Sebanyak **939 siasatan** telah dijalankan dan daripada jumlah tersebut **230 kontraktor telah diambil tindakan pembatalan sijil Taraf Bumiputera** kerana didapati tidak mengikut syarat penarafan Bumiputera. Antaranya kesalahan yang dikenalpasti adalah:

a) Mengsubkan projek kepada kontraktor lain melebihi 70%;
b) Premis tidak beroperasi;
c) Kakitangan bukan bumiputera aktif di dalam syarikat;
d) Pengurusan kewangan yang meragukan;
e) Berkongsi pejabat; dan
f) Pegawai teknikal didapati tidak aktif.

Pegawai PKK sedang menjalankan temubual siasatan syarikat

3. SISTEM MAKLUMAT KONTRAKTOR

Selain itu, PKK juga berperanan sebagai pusat rujukan maklumat kontraktor di mana maklumat terperinci mengenai kontraktor boleh diperolehi menerusi Sistem Maklumat Kontraktor (SMK). Sepanjang tahun 2010 sebanyak 43 jumlah permohonan daripada pelbagai agensi telah diterima untuk membolehkan agensi menilai dan memastikan hanya kontraktor yang benar-benar layak dan berprestasi baik sahaja dibenarkan menyertai tender-tender Kerja Kerajaan.

Data induk mengenai semua kontraktor yang berdaftar boleh diperolehi menerusi Sistem Maklumat Kontraktor (SMK) yang memperinci maklumat seperti berikut:

a) Data Perhubungan (Nama Syarikat, Alamat, No. Telefon & Faks)
b) Pemilikan Ekuiti
c) Ahli Lembaga Pengarah
d) Ahli Pengurusan Syarikat
e) Status Pendaftaran
f) Penarafan Bumiputera
g) Tindakan Tatatertib
h) Rekod Kerja Kontraktor

(letak gambar SMK).

4. PENGUATKUASAAN DAN TINDAKAN TATATERTIB KONTRAKTOR

Selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) bilangan 6 tahun 2010, PKK turut menguatkuasakan pematuhan ke atas syarat pendaftaran dan kontrak perolehan kerajaan yang berkaitan dengan kontraktor yang berdaftar di bawah PKK. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas kontraktor yang didapati melakukkan kesalahan semasa berurus niaga dengan Kerajaan. Ini adalah selaras dengan usaha PKK untuk

mewujudkan kontraktor yang berdisplin, bertanggungjawab, berintegriti serta mengamalkan tadbir urus korporat yang baik semasa berurusan dengan Kerajaan.

Jenis kesalahan yang dilakukan oleh kontraktor adalah seperti berikut:

a) Kesalahan kerana melanggar syarat pendaftaran
    - Maklumat palsu untuk pendaftaran
    - Membenarkan sijil akuan pendaftaran digunakan oleh kontraktor lain
    - Memalsukan atau meminda sijil akuan pendaftaran
    - Kontraktor tidak dapat dikesan semasa lawatan
    - Pemalsuan berkenaan pegangan ekuiti Bumiputera
    - Gagal mematuhi syarat peraturan
    - Gagal mengemas kini maklumat syarikat
    - Gagal mengemas kini pegangan ekuiti Bumiputera
    - Tidak bekerjasama dalam urusan pendaftaran
b) Kesalahan kerana melanggar syarat pelantikan/kontrak
    - Menarik diri
    - Menolak tawaran
    - Pakatan harga
    - Membatalkan perjanjian
    - Gagal mengekalkan taraf Bumiputera sepanjang tempoh kontraktor berkuat kuasa
    - Tidak membuat pembaharuan pendaftaran di Kementerian Kewangan
    - Tidak membuat pembaharuan pendaftaran dengan Lembaga Profesional yang berkaitan
    - Assignment / sub kontrak tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Agensi yang terlibat
    - Gagal mematuhi obligasi kontraktor
c) Kesalahan jenayah dan tanggungan sivil
    - Kesalahan jenayah yang disabitkan oleh mahkamah
    - Tanggungan sivil

Antara tindakan yang telah diambil ke atas kontraktor adalah seperti berikut:

Tindakan tatatertib: 110 kontraktor kerana

a) Tahan memasuki tawaran: 87 kontraktor; dan

b) Gantung pendaftaran : 23 kontraktor

Selain itu, sepanjang tahun 2011 seramai 173 kontraktor telah disenarai hitam.

5. PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

Seiring dengan matlamat strategik KKR di bawah teras 5 iaitu Pembangunan Keupayaan & Kapasiti Sumber Manusia Industri Binaan, PKK juga memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah pencapaian teras tersebut. Dalam hal ini, pelbagai program pembangunan kontraktor Bumiputera telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kecekapan kontraktor bagi memastikan kualiti industri pembinaan ditingkatkan.

Seramai 13,606 kontraktor (di dalam semua kelas) telahpun dilatih di dalam pelbagai bidang mengikut pecahan berikut:

BIL	JENIS KURSUS	BILANGAN KONTRAKTOR
1	KURSUS KALIS AIR	1430
2	KURSUS PEMBINAAN JALAN	1662
3	KURSUS PENGAIRAN DAN SALIRAN	442
4	KURSUS BINAAN BANGUNAN	1322
5	KURSUS KEMASAN LANTAI	1305
6	KURSUS PEMBINAAN & PENYELENGGARAAN JALAN	519
7	KURSUS PENYAMAN UDARA	1397
8	KURSUS BANGUNAN RANGKA KONKRIT BERTELULANG	1556
9	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN	906
10	KURSUS JATIDIRI DAN INTEGRITI	2223
11	KURSUS PENYAMAN UDARA	844
12	**JUMLAH**	**13,606**

BARISAN PEMIMPIN PUSAT KHIMAT KONTRAKTOR

Prospek

Bengkel Siasatan dan Pemberian Taraf Bumiputera telah diadakan pada 2-4 Oktober 2010 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Genting Highlands. Bengkel ini melibatkan wakil dari semua PKK cawangan negeri, Kementerian Kewangan dan Syarikat Suruhanjaya Malaysia. Antara objektif pelaksanakan bengkel ini adalah mengkaji semula prosedur

siasatan dan pemberian taraf bumiputera disamping meyelaraskan proses ini dengan lebih effisyen. Hasil daripada bengkel ini satu manual siasatan yang mengandungi maklumat lengkap tentang prosedur siasatan dan definisi sebenar pengiktirafan Taraf Bumiputera dicetak.

Antara penambahbaikan prosedur pendaftaran kontraktor dan penarafan Bumiputera adalah seperti berikut:

- Mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor untuk memperbaharui lesen pendaftaran tiga (3) bulan sebelum luput bermula Mac 2010 dan diperluas kepada PKK Cawangan negeri sepenuhnya sepanjang 2010.
- Mewujudkan satu senarai semak baru bagi surat kuiri yang dikeluarkan kepada kontraktor.
- Mewujudkan Manual siasatan dan pemberian Taraf Bumiputera yang digunapakai sebagai garis panduan dalam pemberian Taraf Bumiputera di PKK.